

UMSKAL bantu cemerlangkan pelajar SMK Lajau

UB 3-5-2013 AG

LABUAN: Pensyarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) akan membantu mencemerlangkan pelajar SMK Lajau bagi menghadapi peperiksaan pada tahun ini.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali berkata pelbagai aktiviti boleh diadakan termasuk motivasi dan bimbingan bagi membantu pelajar Tingkatan Tiga dan Enam menghadapi peperiksaan PMR dan STPM.

Katanya, mereka boleh mendapatkan bantuan bimbingan akademik daripada mahasiswa dan pensyarah Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) dan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL).

“UMSKAL sedia

membantu pelajar Tingkatan Tiga dan Enam SMK Lajau mendapatkan keputusan cemerlang dalam peperiksaan PMR dan STPM,” katanya. Beliau berkata demikian

ketika menerima kunjungan hormat guru-guru kanan SMK Lajau di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Tingkat 13, Bangunan Menara, kelmarin.

Turut hadir Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah dan Penolong Pendaftar Kanan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Musnin Mattersah.

Ismail juga senada dengan hasrat Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dan Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said yang mahu UMSKAL menjalinkan hubungan dua hala dengan jabatan dan agensi kerajaan di wilayah ini.

Rombongan SMK Lajau diketuai Penolong Kanan Pentadbiran, Leberie Dalus bersama Penolong-Penolong Kanan, Nor Ain Mohamad (Kokurikulum) dan Nurul Nazihah Abdullah (PK Tingkatan Enam) serta lima guru kanan.

Leberie yang mewakili Pengetuannya, Yusop Mohamad, berharap kedua-dua pihak akan menjalin hubungan dua hala dalam pelbagai bidang bagi meningkatkan prestasi akademik SMK Lajau.



ISMAIL (kiri) menyampaikan cenderamata kepada Leberie diperhatikan guru kanan SMK Lajau.